

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

# Vape berisiko cederakan paru-paru

**Putrajaya:** Mitos kononnya rokok elektronik atau vape lebih selamat berbanding rokok tembakau perlu diperbetulkan kerana pengguna bahan itu berisiko mengalami kecederaan paru-paru atau E-cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVALI).

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata penggunaan rokok elektronik atau vape juga boleh menyebabkan gejala selain pernafasan seperti kebas anggota badan, berdebar-debar dan halusinasi.

"Ada sesetengah pihak, termasuk dalam industri menyatakan bahawa EVALI ini tidak wujud dan kononnya mengambil pendekatan menggunakan vape untuk mengurangkan mudarat.

"Sedangkan kita tahu sudah ada bukti saintifik bahawa menghisap vape dan rokok elektronik juga akan mendatangkan mudarat. Ja-

di, kita perlu lawan dan tewaskan mitos sebegini," katanya dalam ucapan sempena Pelancaran Panduan Amalan Klinikal Pengurusan EVALI, di Kementerian Kesihatan (KKM), semalam.

## Semakin tak terkawal

Khairy berkata, apa yang membimbangkan kini adalah penggunaan vape dan rokok elektronik ini semakin tidak terkawal kerana tidak mengetahui bahan apa yang digunakan dalam cecair yang dijual di pasaran.

Malah, katanya, kini masih tiada lagi Rang Undang-Undang (RUU) yang membolehkan pihaknya mengawal industri vape berkenaan.

"Sekarang tiada sebarang kawalan kecuali jika kita menggunakan kuasa bawah Akta Racun, barulah tindakan boleh diambil dengan mengambil sampel serta menguji bahan berkenaan

di makmal.

"Sedangkan bawah RUU yang sudah dirangka KKM, individu yang mahu menjual cecair vape perlu mendaftarkan produk mereka dan sekali gus membolehkan kita membuat pemantauan dan mengawal kandungan dilettakan dalam cecair dan paras nikotin," katanya.

Mengenai EVALI di negara ini, Khairy berkata, kini jutaan rokok elektronik berdepan penyakit berkenaan, sekali gus memberi risiko kecacatan kekal pernafasan dan kematian.

Katanya, Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019 menunjukkan terdapat kira-kira 1.1 juta pengguna rokok elektronik atau vape di Malaysia, malah jumlahnya semakin bertambah hingga memerlukan penyakit EVALI dipantau.

Beliau berkata, penyakit EVALI mula didiagnosis pada 2019 di

Amerika Syarikat apabila sebanyak 2,800 kes kecederaan paru-paru dan 68 kematian.

"Sehingga kini, negara merekodkan dua kes EVALI pada 2019, manakala lapan kes dikenal pasti melalui kajian Pusat Perubatan Universiti Malaya pada 2021.

"Namun, jumlah yang dilaporkan ini berkemungkinan lebih rendah berbanding jumlah kes sebenar akibat tiada garis panduan serta penerangan mengenai EVALI.

"Bagi Jun hingga September tahun ini, iaitu selepas arahan notifikasi dikeluarkan, empat kes disyaki EVALI dilaporkan kepada KKM dan sedang dalam penyiasatan lanjut pegawai di lapangan," katanya.

Khairy berkata, anggaran kos bagi merawat seorang pesakit EVALI yang dimasukkan ke hospital selama empat hari adalah sebanyak RM50,297.37," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

# Baru kursus seminggu sudah boleh rawat gigi

## Wanita 'naik angin' ketika disiasat KKM

Oleh Nuraliawati Sabri  
bhnews@bh.com.my

**Melaka:** Hanya berbekalkan sijil mengikuti kursus pergigian dipercayai selama seminggu di China, seorang wanita mengaut keuntungan mudah dengan menyediakan perkhidmatan merawat dan memasang alat pendakap gigi sejak dua tahun lalu.

Maklumat itu terbongkar selepas wanita berusia 23 tahun berkenaan disiasat dalam serbuhan sepasukan 13 pegawai pengawal kuasa Kementerian Kesihatan (KKM) di sebuah pusat kecantikan di tingkat dua sebuah bangunan perniagaan di Malim di sini, jam 2 petang kelmarin.

Wanita yang sudah berkahwin itu mendakwa memiliki sijil dan

kelayakan untuk menjalankan perkhidmatan terbabit kerana pernah mengikuti kursus di Johor pada 2018, sebelum ke China.

### Meninggalkan sijil

Pegawai Pengawal Kuasa KKM, Dr Rosnah Atan, berkata wanita itu pada mulanya dilihat 'naik angin' apabila beberapa kali meninggikan suara ketika diambil keterangan.

"Bagaimanapun, wanita itu akhirnya memaklumkan hanya mengikuti kursus selama seminggu sebelum mengambil keputusan untuk menawarkan perkhidmatan, termasuk 'veeर' gigi, memasang pendakap gigi dan pemutihan gigi.

"Dia juga mendakwa menerima maklum balas baik, malah pelanggan yang pernah mendapatkan perkhidmatannya turut mempromosikan kepada rakan mereka," katanya selepas operasi itu.

Dr Rosnah berkata, kegiatan wanita itu dikesan hasil aduan awam sebelum pihaknya menjalankan risikan selama ki-



Pegawai perubatan memeriksa sijil ditunjukkan wanita yang menawarkan khidmat pergigian dalam operasi khas di Malim, Melaka.

(Foto Nuraliawati Sabri/BH)

ra-kira sebulan.

"Premis ini dipercayai beroperasi sejak dua tahun lalu dan wanita terbabit dipercayai membuat janji temu melalui Instagram, antara lain menawarkan perkhidmatan memasang pendakap gigi pada harga RM1,200 hingga RM1,500.

"Pemeriksaan turut menemui barang dan peralatan pergigian disyaki diguna atau dikenalikan secara haram. Barang dan peralatan pergigian yang dirampas ini sepatutnya hanya boleh diguna serta dikendalikan oleh doktor bertauliah," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : LOKAL

## 'Naik angin' ketika beri keterangan

**Melaka:** Seorang wanita yang juga pemilik bersama sebuah pusat kecantikan di Malim di sini, 'naik angin' apabila beberapa kali meninggikan suara ketika memberi keterangan selepas premisnya yang disyaki menawarkan rawatan pergi-gian tidak bertaullah diserbu, kelmarin.

Difahamkan, wanita berusia 23 tahun itu pada awalnya mendakwa mempunyai sijil kelayakan bagi membolehkan dirinya menjalankan perkhidmatan itu berikutan pernah mengikuti kursus di Johor sebelum ke China pada 2018.

Bagaimanapun, tembelang wanita itu terbongkar selepas dia mengatakan hanya mengikuti kursus selama seminggu sebelum mengambil keputusan menyediakan perkhidmatan antaranya veneer gigi, memasang pendakap gigi dan pemutihan gigi.

Malah, wanita itu juga mendakwa perkhidmatan yang ditawarkannya turut menerima maklum balas yang baik termasuk dipromosikan kepada rakan-rakan oleh pelanggannya.

Sementara itu,



PEMILIK bersama pusat kecantikan (kiri) ketika memberi keterangan selepas premisnya yang disyaki menawarkan rawatan pergi-gian tidak bertaullah diserbu. - Gambar NSTP/NURALIAWATI SABRI

Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dr Rosnah Atan berkata, kegiatan premis terbabit dikesan apabila pihaknya menerima aduan awam sebelum risikan dijalankan selama kira-kira sebulan.

Menurutnya, dalam serbuan kira-kira jam 2 petang, siasatan di dalam premis terbabit menemui barang dan peralatan



SEBAHAGIAN peralatan yang dirampas ketika serbuan di Malim, Melaka.

pergi-gian yang disyaki dilakukan secara haram.

"Hasil risikan, premis itu dipercayai beroperasi kira-kira dua tahun lalu dan dia melakukan temu janji melalui laman sosial Instagram dan kos untuk pasang pendakap gigi ditawarkan antara RM1,200 hingga RM1,500.

"Barangan dan peralatan pergi-gian yang dirampas itu sepatutnya hanya boleh digunakan dikendalikan oleh doktor bertaullah sahaja," katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Pergigian 2018 (Akta 804) di mana arahan pergi-gian dilakukan oleh orang yang tidak berdaftar.



ANGgota penguat kuasa KKM memeriksa peralatan yang digunakan di pusat kecantikan berkenaan.

**AKHBAR : HARIAN METRO**  
**MUKA SURAT : 28**  
**RUANGAN : LOKAL**

## Risiko penggunaan vape cederakan paru-paru - Khairy

**Putrajaya:** Dakwaan konseninya penggunaan rokok elektronik atau vape tidak memudarkan perlu di perbetulkan kerana pengguna bahan itu berisiko mengalami kecederaan paru-paru atau *E-cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury* (Evali).

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, Evali mula didiagnosa pada 2019 di Amerika Syarikat dengan 2,800 kes kecederaan paru-paru dan 68 kematiian

disahkan membabitkan penggunaan rokok elektronik dan vape.

Bagi kes Evali di Malaysia, beliau memaklumkan dua kes dilaporkan pada 2019, lapan pada 2021 manakala empat kes direkodkan dalam tempoh Jun hingga September lalu.

"Evali adalah benda serius dan jangan ada orang pertikai Evali ini... ada setengah pihak contohnya pihak industri kata tidak wujud Evali.

"Kita tahu ada bukti saintifik yang vape bukan perkara yang datang tanpa mudarat. Kita juga tidak tahu apa yang ada dalam cair vape itu," katanya ketika melancarkan Panduan Amalan Klinikal Pengurusan Evali, di sini, semalam.

Khairy berkata, berdasar-

kan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) pada 2019, terdapat 1.1 juta pengguna rokok elektronik atau vape di Malaysia.

Katanya, terdapat dua kriteria utama yang perlu ada bagi diagnosis Evali iaitu sejauh pendedahan kepada rokok elektronik atau

vape dan terdapat perubahan radiologi pada x-ray atau CT-Scan paru-paru.

"Pengesanan dan rawatan awal boleh diberikan kepada pesakit yang disahkan menghidap Evali supaya komplikasi jangka panjang dapat dikurangkan dan seterusnya mengurangkan kos rawatan. Anggaran kos rawatan bagi seorang pesakit Evali yang dimasukkan ke hospital selama empat hari adalah RM50,297.37," katanya.

Khairy berkata, penggunaan rokok elektronik atau vape boleh menyebabkan gejala selain pernafasan seperti kebas anggota badan, berdebar-debar dan halusinasi.

"Keadaan ini sangat berisiko dan dapat meningkatkan kadar morbiditi dan kematian," katanya menambah, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kini memantau kes gejala pernafasan berkaitan penggunaan rokok elektronik.

**“  
Kos rawatan  
pesakit Evali  
selama empat  
hari adalah  
RM50,297.37  
Khairy**

**AKHBAR : KOSMO**  
**MUKA SURAT : 16**  
**RUANGAN : NEGARA**

Tawar harga murah pasang pendakap, rawatan gigi

# Buka klinik gigi selepas belajar 7 hari



PENGUAT kuasa KKM menyita peralatan yang digunakan sebuah premis klinik gigi haram di Pandan Malim, Melaka kelmarin.

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

**MELAKA** – Seorang wanita berusia 23 tahun ditahan di bawah kuasa Kementerian Kesihatan (KKM) selepas dikesas melakukan rawatan dan pemasangan pendakap gigi dengan hanya menggunakan pengalaman dipelajari selama tujuh hari di China.

Wanita itu ditahan bersama dua pekerjaan berusia 20-an dalam serbuan kira-kira pukul 2 petang di sebuah premis rawatan di Pandan Malim, di sini kelmarin.

Ketua Operasi, Dr. Rosnah Atan berkata, serbuan itu merupakan hasil maklumat diterima daripada orang awam dan risikan dilakukan sejak sebulan yang lalu.

Katanya, menerusi pemeriksaan rekod daftar pelanggan,

klinik gigi haram itu dipercayai telah beroperasi selama dua tahun dan mengaburi kegiatan mereka dengan menyewa premis di tingkat dua bangunan kedai berkenaan.

"Hasil soal siasat dijalankan, seorang wanita mengakui telah memberikan rawatan dan pemasangan pendakap gigi kepada orang ramai dengan hanya menggunakan pengalaman dipelajarinya selama tujuh hari di China.

"Klinik haram ini juga telah menjalankan beberapa perkhidmatan lain termasuk veneer, pemutihan gigi dan rawatan muka menggunakan mesin serta peralatan yang hanya boleh dikendalikan oleh doktor bertauliah," katanya kepada pemberita selepas selesai proses menyita pada pukul 7 petang kelmarin.

Mengulas lanjut, beliau berkata,

ta, premis itu telah mendapatkan pelanggan dengan melakukan promosi rawatan pada harga yang jauh lebih murah berbanding klinik berdaftar di laman sosial Instagram.

"Premis ini menawarkan pemasangan pendakap gigi pada harga sekitar RM1,200 sehingga RM1,500 bagi bahagian gigi atas dan bawah, kos ini sememangnya lebih murah berbanding klinik berdaftar.

"Janji temu akan dibuat terlebih dahulu di Instagram mereka sebelum pelanggan datang ke premis untuk rawatan," katanya.

Katanya, kesemua barang di dalam premis itu telah dirampas dan kes disiasat mengikut Seksyen 62 dan Akta 804 Akta Perzigian 2018 iaitu larangan menjalankan amalan pergigian oleh seseorang yang tidak didaftarkan di bawah Akta 804.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 27**  
**RUANGAN : NEGERI**

# Hanya belajar tujuh hari di China

KKM tahan wanita dan dua pekerja kerana tawar khidmat pasang pendakap gigi

Oleh NOR FARHANA  
YA'ACOB  
MELAKA

Kegiatan seorang wanita yang mengusahakan klinik gigi haram sejak dua tahun lalu berjaya dibongkar Kementerian Kesihatan (KKM) dalam satu operasi di sebuah premis di Pandan Malim, di sini, pada Rabu.

Serbuan jam 2 hingga 7 petang itu telah menahan seorang wanita tempatan berusia 23 tahun bersama dua pekerja yang lain juga berusia 20-an dalam sebuah pusat kecantikan.

Ketua Operasi, Dr Rosnah Atan berkata, berdasarkan periksaan rekod daftar pelanggan, klinik gigi haram itu dipercayai beroperasi hampir dua tahun dan mengaburi kegiatan mereka dengan menyewa premis di tingkat dua bangunan kedai.

Menurutnya, hasil soal siasat wanita itu mengaku memberikan perkhidmatan pemasangan pendakap gigi kepada orang ramai dengan hanya menggunakan pengalaman dipelajarinya selama tujuh hari di China.

"Mereka turut menjalankan beberapa perkhidmatan lain termasuk rawatan muka menggunakan mesin serta peralatan yang hanya boleh dikendalikan oleh doktor bertauliah," katanya kepada pemberita.

Jelas beliau, klinik gigi haram itu menggunakan laman sosial Instagram untuk menarik pelanggan selain menawarkan pemasangan pendakap gigi pada harga sekitar RM1,200 sehingga RM1,500 bagi bahagian gigi atas



Dua penguat kuasa KKM memeriksa peralatan yang digunakan oleh klinik gigi haram itu pada Rabu.

dan bawah jauh lebih murah dari harga di klinik berdaftar.

"Pelanggan yang berminat pula akan membuat janji temu terlebih dahulu di Instagram sebelum datang mendapatkan rawatan di premis itu," katanya lagi.

Kesemua barang di dalam premis dirampas dan kes disiasat di bawah Seksyen 62 dan Akta 804 Akta Pergigian 2018 iaitu larangan menjalankan amalan pergigian oleh seseorang yang tidak didaftarkan di bawah Akta 804.

Sementara itu, wanita terbabit yang telah berkahwin berkata, dia sebenarnya tidak mengetahui bahawa perkhidmatan itu hanya boleh ditawarkan di klinik pergigian berdaftar setelah mendapatkan nasihat daripada pakar Ortodontik.

**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**  
**MUKA SURAT : 7**  
**RUANGAN : NATION/NEWS**

## 'Vaping-related lung injury cases underreported'

By BENJAMIN LEE  
benkh@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** The number of e-cigarette or vaping-associated lung injury (Evali) cases is severely underreported due to a lack of awareness, says Khairy Jamaluddin.

The Health Minister also said with the trend of vaping rising only recently, most medical practitioners were still uninformed on how to diagnose and treat Evali patients.

"E-cigarettes and vape products first appeared in the 2010s but only grew in popularity among the public, particularly the youth, in the past few years."

"As such, most healthcare workers aren't even aware of the existence of Evali, let alone the symptoms of and treatments for the condition."

"This can be seen with the unexpectedly low number of reported Evali cases despite there being over 1.1 million estimated e-cigarette and vape users in Malaysia in 2019," he said, adding that the number would have grown significantly since then.

Khairy was speaking at the launch of the Clinical Practice Guidelines (CPG) for Management of Evali here yesterday.

There have been only 14 reported Evali cases in Malaysia since 2019 – two in 2019, eight in 2021 and four suspected cases from June to September this year, according to him.

He noted the dangers of Evali that was primarily caused by unregulated vape products that contained harmful chemicals like vitamin E acetate that was usually used as a cheap product filler.

"While harmless when ingested normally, studies of vitamin E acetate have shown that it increases



**A must-read for healthcare workers:** Khairy handing the Evali guideline book to state health representatives at the launch ceremony at his ministry in Putrajaya here yesterday. — Bernama

the risk of lung damage when inhaled.

"This danger is made even clearer by the fact that vitamin E acetate was present in the vape products and lungs of nearly all Evali patients during the 2019 Evali outbreak in America, which resulted in over 2,800 reported cases and 68 deaths," he said.

Khairy said the CPG provided detailed guidelines for healthcare

workers on how to easily recognise the early symptoms of Evali so that the patients could be treated as quickly as possible to give them the best chance of survival.

"Medical practitioners will also have guidelines to perform post-treatment follow-ups on patients and lab analysis procedures for samples from suspected patients," he explained.

Khairy reiterated his stance on

banning the use of both cigarettes and vaping products for those born after 2007.

"There shouldn't be a need for harm reduction for children as they shouldn't even be smoking in the first place as it doesn't provide any benefits," he said.

**Watch the video**  
[TheStarTV.com](http://TheStarTV.com)



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NATION

**4-DAY HOSPITALISATION**

# Treatment for vaping-associated lung injury costs over RM50,000

**PUTRAJAYA:** How much does it cost to treat e-cigarette or vaping-associated lung injury (EVALI)?

A whopping RM50,297.37 for a four-day hospital admission, caretaker Health Minister Khairy Jamaluddin revealed.

"The use of e-cigarettes can lead to other health issues, such as numbness, palpitation and hallucination. Such a scenario is very risky and lead to the increase in morbidity and fatality rates," Khairy said after launching of the Clinical Practice Guidelines on the management of EVALI yesterday.

He said the danger posed by the use of e-cigarettes was worrisome due to the effects of secondhand smoke as well.

Khairy said EVALI was first re-

ported in 2019 by the United States' Centers for Disease Control and Prevention with 2,800 lung injury cases and 68 deaths.

The Medical Research and National Morbidity of 2019 says there are about 1.1 million e-cigarette users in Malaysia.

Khairy said there were two EVALI cases in Malaysia in 2019, eight last year and four suspected ones so far this year.

He reminded the public that early detection could save lives and reduce treatment cost.

"There are two main criteria necessary in diagnosing EVALI. The first being a history of exposure to e-cigarettes and subsequently, (observed) radiological changes based on the X-ray and CT-scan of the lungs."



*Khairy Jamaluddin*